

## PERANAN GURU DALAM MENERAPKAN KONSEP EKOLOGI SPIRITAL UNTUK MENINGKATKAN DOMAIN SPIRITAL MURID PENDIDIKAN KHAS

[1] Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman  
[2] Zaharah Hussin  
[3] Asri B. Md Saman @ Osman

### ABSTRACT

This study aims to see the role of teachers in applying the concept of spiritual ecology amongst special education students. The concept adapted from western ecology is part of the research by researchers to develop a model of learning in Islamic Education. This concept emphasizes the appreciation of the Qur'anic prophecy regarding ecology to enhance the spiritual domain. Strengthening the spiritual domain of a special pupil is also very important to produce students who have inner strength and have an impact on the behavior or morals of students. In this regard, a preliminary survey was conducted through the observation method of a teaching and teaching session for Islamic Education subjects to special education students at a Kubang Pasu District primary school. The findings show that teachers play a role in applying the concept of spiritual ecology through the learning and learning process of the students.

**Keywords:** *Spiritual Ecology, Special Education, Spiritual Domains*

[1 & 3] Jabatan Pendidikan Islam & Moral, IPG Kampus Darulaman  
*wannornajmiwati@ipda.edu.my*

[2] Jabatan Asas Pendidikan & Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

## PENDAHULUAN

Pembangunan domain spiritual murid merupakan salah satu asas penting bagi melahirkan murid yang seimbang secara holistik. Selain daripada kandungan kurikulum yang akan membangunkan potensi spiritual murid, guru turut berperanan sebagai agen pembangun domain spiritual murid dengan bertindak sebagai penyemai iman serta pembentuk sahsiah dan akhlak. Penulisan ini membincangkan peranan guru dalam menerapkan konsep ekologi spiritual (es) dalam Pendidikan Khas yang melibatkan murid bermasalah pembelajaran. Konsep yang pada asalnya diadaptasi daripada fahaman ekologi barat ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan pengkaji untuk membangunkan satu model kandungan ekologi spiritual dalam Pendidikan Islam. Ianya menekankan kepada penghayatan terhadap dalil al-Quran berhubung ekologi untuk meningkatkan domain spiritual murid.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengenalan konsep ekologi spiritual dalam Pendidikan Khas melalui kajian ini merupakan satu inisiatif ke arah memperkasakan nilai spiritual murid berkeperluan khas. Konsep ekologi spiritual atau istilah asalnya *ekospiritual* merupakan istilah yang diadaptasi daripada salah satu aliran falsafah alam sekitar di barat. Secara umumnya, ia adalah tentang hubungan manusia dengan alam (*connection to nature*) Beringer (1999). Walaubagaimanapun, dasar ekospiritual yang dipelopori oleh barat adalah tidak menepati pandangan Islam dimana mereka menerima alam sebagai sesuatu yang kudus tetapi fahaman tersebut tidak berpaksikan kepada kepercayaan dan tauhid kepada Pencipta sebenar alam iaitu Allah S.W.T (Abu Bakar 2012; Hazura 2009).

Di atas kepincangan tersebut, satu pembinaan konsep Ekologi Spiritual yang berorientasikan prinsip-prinsip falsafah Islam telah dirangka berdasarkan dalil-dalil al-Quran, hadis Rasulullah S.A.W serta pandangan ilmuwan Islam. Konsep ini sangat penting untuk diketengahkan khususnya dalam bidang pendidikan kerana ia merupakan satu usaha untuk meningkatkan elemen spiritual dan nilai akidah murid melalui penghayatan kepada dalil-dalil al-Quran berhubung elemen ekologi (Wan Nornajmiwati et al., 2016).

Pembentukan konsep Ekologi Spiritual ini adalah berdasarkan kepada tiga domain asas dalam teori pembelajaran Bloom, iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor. (Anderson, L.W., & Krathwohl D.R., 2001). Domain kognitif menekankan peningkatan nilai spiritual melalui kefahaman murid terhadap konsep, domain afektif iaitu penekanan aspek sifat dalam diri murid, dan aspek psikomotor iaitu menekankan aspek penghayatan amalan murid.

Kajian Noriati Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah (2010), menegaskan unsur rohani yang diterapkan dalam pendidikan akan melahirkan murid yang menyedari dan mengisafi adanya Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, berakhlik mulia serta bertanggungjawab seterusnya berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan dapat memberi sumbangan kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara. Daripada pernyataan tersebut, adalah jelas bahawa dasar pendidikan negara adalah bermatlamat membangunkan potensi murid secara holistik bukan sahaja bagi murid aliran perdana tetapi juga merangkumi aliran Pendidikan Khas. Oleh itu, berdasarkan panduan Dasar pelaksanaan Program j-QAF Pendidikan Khas oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, pelbagai program dan inisiatif yang membangunkan komponen bukan akademik seperti kerohanian (spiritual) murid keperluan khas telah dilaksanakan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan program-program keagamaan seperti penganjuran Kem Amali Solat, kelas pengajaran dan Pembelajaran Kaedah Iqra', Majlis Khatam Al Quran dan beberapa aktiviti yang lain.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pendidikan Islam dilihat sebagai satu subjek khusus yang dapat mendidik dan membimbing murid supaya menjadi insan kamil yang menyerasi dari aspek akhlak, bukan hanya sekadar di alam persekolahan malah meliputi persekitaran mereka. Sehubungan itu, usaha yang berterusan untuk meyeimbangkan keperluan jasmani dan kerohanian murid bukan sahaja tertumpu kepada sebahagian mata pelajaran sahaja, tetapi usaha yang bersepadu perlu dilaksanakan agar benar-benar mencapai matlamat melahirkan modal insan yang seimbang. Matlamat yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Islam juga adalah bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Khas yang menyatakan:

"Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan."

Dalam konteks Pendidikan Khas pada masa kini, murid berkeperluan khas mempelajari Pendidikan Islam dengan menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas yang dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Izuli Dzukifli,2016). Standard Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam tersebut mempunyai tujuh modul iaitu:

- i) Modul al Quran : Memberi tumpuan kepada membaca al Quran dengan betul dan fasih, menghafaz ayat-ayat tertentu, memahami surah-surah tertentu dan menghayati pengajarannya.
- ii) Modul Hadis : Penekanan kepada Kemahiran membaca hadis, memahami pengertian dan huraian, menghayati dan mengamalkan pengajarannya dalam kehidupan.
- iii) Modul Akidah : Penekanan kepada kemahiran memahami, menghayati dan mengamalkan konsep akidah dalam kehidupan.
- iv) Modul Ibadah : Penekanan kepada kemahiran memahami, menghayati dan mengamalkan konsep ibadah dalam kehidupan.
- v) Modul Sirah : Penekanan kepada pemahaman sirah Rasulullah SAW dan mengambil iktibar serta meneladaninya.
- vi) Modul Adab : Penekanan kepada memahami, menghayati , mengamalkan tatacara dan hubungan manusia dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam sekitar.
- vii) Modul Jawi : Penekanan kepada kemahiran membaca dan menulis jawi serta asas seni khat.

Merujuk kepada modul-modul yang digunakan dalam KSSR Pendidikan Khas (Pendidikan Islam) untuk murid keperluan khas , konsep Ekologi Spiritual yang dikemukakan adalah sangat berkaitan dengan penekanan dalam Modul al Quran, Modul Akidah dan Modul Adab. Konsep ini menekankan pembangunan kerohanian murid melalui kesedaran terhadap elemen ekologi dengan bersumberkan al-Quran bertujuan untuk meningkatkan nilai spiritual dan penghayatan dalam aspek akidah seseorang. Kepentingan mengkaji ayat-ayat al-Quran sebenarnya telah diulang-ulang dalam surah Al Qamar ayat 17,22,32 dan ayat 40 yang bermaksud:

*"Sesungguhnya telah kami memudahkan al Quran (bagi manusia) untuk jadi pengajaran. Adakah orang yang mengambil pengajaran (daripadanya)?.*

Penegasan Allah SWT itu jelas membuktikan kebenaran mengkaji ayat-ayat Allah akan mendatangkan impak yang sangat bermanfaat kepada manusia terutama membentuk yang benar dalam diri seseorang. Menurut Mehdi Golshani dalam Abu Bakar (2012), ayat-ayat al-Quran yang menyentuh mengenai alam sekitar atau ekologi boleh dibahagikan kepada lapan bahagian iaitu : ayat yang menggambarkan unsur-unsur penting kejadian dan menuntut manusia untuk menyingkap rahnianya (At Thaariq 86:5), ayat yang menerangkan kejadian sesuatu di alam ini dan menyuruh manusia mengkaji tentang kejadian-kejadian tersebut (Al Ghaasiyah 88:17-20), ayat yang menyuruh manusia mengkaji bagaimana ia dicipta (Al Ankabut,29:20), ayat-ayat yang menyuruh manusia mempelajari dan memahami fenomena alam (Al Baqarah 2: 164), ayat yang menunjukkan bahawa Allah bersumpah ke atas pelbagai objek alam (Asy-Syams 91:1-6), ayat yang menerangkan tentang kejadian alam dan kaitannya dengan Hari kebangkitan (Ar-Ruum 30:19), ayat yang menegaskan tentang kelangsungan keseimbangan dan teraturnya alam ciptaan Allah (Al-Mulk 67:3-4) dan ayat yang menegaskan keharmonian hidup manusia dan alam sekitar , serta ketundukan apa yang ada dilangit dan di bumi adalah untuk manusia (Al-Baqarah 2:29). Jesteru itu, al-Quran merupakan sumber utama dan benar untuk memahami konsep akidah berasaskan konsep Ekologi Spiritual. Semua dalil berhubung elemen ekologi yang terdiri daripada manusia itu sendiri, haiwan, tumbuhan, tanah, air, udara dan elemen yang tidak kurang penting iaitu fenomena alam seperti kejadian siang dan malam, kejadian guruh dan petir dan banyak lagi adalah merupakan medium untuk mengenal Allah S.W.T.

Secara keseluruhannya, konsep Ekologi Spiritual ini turut wajar dikenakan kerana ia merupakan satu perkembangan ilmu melalui asas ilmu Pendidikan Islam itu sendiri. Konsep ini dapat menghasilkan kefahaman

yang jitu berhubung kekuasaan Allah S.W.T dan meningkatkan kesedaran terhadap ketanggungjawaban menjaga kelestarian alam dan seterusnya melahirkan jati diri murid khususnya dalam Pendidikan Khas.

## PENYATAAN MASALAH

Pembangunan spiritual murid ini amat berkait rapat dengan peranan guru dalam menyampaikan pengetahuan dan pendidikan berteraskan al-Quran dan Sunnah. Kajian mendapat terdapat segelintir guru membelakangkan aspek nilai etika dan akhlak (Habibah Ramle, 2017) malah sebahagian guru juga tidak berupaya untuk menjadi ‘qudwah hasanah’ kepada murid (Che Noraini Hashim, 2005). Sejarah dengan itu, kajian ini memfokuskan kepada peranan guru untuk menerapkan Konsep Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Khas untuk meningkatkan domain spiritual murid melalui penghayatan terhadap dalil-dalil al Quran berhubung elemen ekologi. Aspek kerohanian (spiritual) dilihat amat penting untuk dibangunkan dalam diri murid walaupun murid keperluan khas. Ini kerana, nilai spiritual yang kukuh dalam diri murid akan memberi kesan kepada corak pemikiran, amalan ibadat dan sahsiah murid. Kajian Bainah et.al (2017) menunjukkan kepentingan mengaplikasi nilai-nilai Islam dalam Pendidikan Khas. Penekanan nilai Islam dalam kalangan murid berkeperluan khas adalah berteraskan kepada Rukun Iman yang melibatkan unsur akidah dan Rukun Islam yang menyentuh aspek ibadah dan akhlak. Dapatkan kajian ini selaras dengan kajian Shukri (2017) berhubung keperluan psikoterapi zikir dalam meningkatkan motivasi kanak-kanak autistik muslim yang mendapat bahawa kanak-kanak berkeperluan khas (autistik) perlu didorong dalam pelbagai sudut termasuk spiritual dan kerohanian. Ini kerana dorongan spiritual akan melahirkan dan menzahirkan peribadi dan tingkah laku yang baik. Adalah sangat jelas, pengabaian dalam aspek spiritual (kerohanian) murid akan memberi kesan yang negatif, sebagaimana kajian oleh Saedah Siraj (2012) yang mendapat bahawa kurikulum persekolahan arus perdana kini masih kurang memberi tumpuan terhadap kerohanian. Menurut Bennet (1994), mendapat masalah disiplin yang semakin meningkat di kalangan murid adalah berkaitan rapat dengan faktor kegagalan ibu bapa dan guru-guru menerapkan gaya didikan yang mementingkan nilai dan moral yang mantap. Hasil kajian Khalim Zainal & Wan Zulkifli (2009) jelas mendapat bahawa pemantapan iman pelajar melalui pendekatan Islam iaitu solat dan tazkirah agama mampu mengubah tingkah laku pelajar yang bermasalah.

## TUJUAN KAJIAN

- i) Mengenal pasti peranan guru dalam menerapkan konsep Ekologi Spiritual untuk meningkatkan domain spiritual murid keperluan khas.

## SOALAN KAJIAN

- i) Apakah peranan guru dalam menerapkan konsep Ekologi Spiritual Khas untuk meningkatkan domain spiritual murid keperluan khas?

## METODOLOGI KAJIAN

### *Reka bentuk kajian*

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang dijalankan di sebuah sekolah dalam Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh seorang guru Pendidikan Islam dan tujuh orang murid keperluan Khas di sebuah sekolah rendah Daerah Kubang Pasu. Pengkaji memperolehi data awal kajian melalui kaedah pemerhatian sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran itu dijalankan dan soalan-soalan yang dikemukakan semasa sesi soal jawab.

### *Prosedur Kajian*

Dalam melaksanakan kajian, pengkaji mengadakan kolaborasi dengan seorang Pensyarah Jabatan Islam Dan Moral untuk mengadakan tinjauan awal dengan menggunakan kaedah pemerhatian pada satu sesi pengajaran dan pembelajaran seorang guru Pendidikan Islam. Pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran pengetua sekolah dan guru Pendidikan Islam terlibat untuk tujuan tersebut.

### ***Sampel Kajian***

Kajian ini melibatkan seorang guru Pendidikan Islam dan tujuh orang murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga melibatkan sebelas orang pelajar semester 1 dari kumpulan Pendidikan 1, 2 dan 3 yang mengambil subjek Elektif Pendidikan Islam yang bertindak sebagai pemerhati dan mengemukakan beberapa soalan semasa sesi soal jawab. Hasil pemerhatian terhadap sesi pdp tersebut, pengkaji mendapat input serta gambaran awal dalam melaksanakan kajian peranan guru dalam menerapkan konsep Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Khas.

### ***Instrumen kajian***

Pengkaji memperolehi data awal kajian melalui kaedah pemerhatian sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran itu dijalankan dan soalan-soalan yang dikemukakan semasa sesi soal jawab. Pengkaji mencatat setiap ucapan, perlakuan guru dan murid semasa proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan di dalam borang catatan yang disediakan. Dapatkan kajian berhubung peranan guru telah diklasifikasikan kepada tiga aspek iaitu pengetahuan, amalan nilai dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Aspek-aspek tersebut diadaptasi daripada Model standard Guru Malaysia (Bahagian Pendidikan Guru,2009). Pengkaji turut membuat rakaman dan mengambil foto untuk dianalisis sebagai dapatkan kajian.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan pemerhatian terhadap satu sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, beberapa dapatkan yang menunjukkan peranan guru dalam menerapkan konsep ekologi spiritual kepada murid pendidikan khas. Dapatkan yang diklasifikasikan kepada tiga aspek pengetahuan, amalan nilai dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran telah dianalisis oleh pengkaji. Aspek-aspek tersebut diadaptasi daripada Model standard Guru Malaysia (Bahagian Pendidikan Guru, 2009).

#### ***Penerapan konsep melalui pengetahuan***

Antara dapatkan penting yang diperolehi oleh pengkaji ialah guru berperanan menerapkan konsep ekologi spiritual semasa proses pdp dilaksanakan. Kajian ini mendapat telah **wujudnya elemen spiritual** yang diterapkan semasa proses pdp dijalankan oleh guru. Elemen spiritual ini diimplimentasi melalui bacaan doa, bacaan dua kalimah syahadah, bacaan ayat-ayat lazim seperti Surah Al fatihah, Al Kafirun, Al- Ikhlas, Al Falaq dan An Nas dengan bimbingan daripada guru.

Seterusnya, dapatkan kajian yang juga penting ialah guru perlu mengambil kira **kemampuan kognitif murid keperluan khas**. Dalam menyampaikan pengajaran, isi pelajaran adalah lebih ringkas dan mudah serta apa yang telah diaplifikasi dalam kehidupan harian. Contohnya, dalam tajuk tersebut, guru hanya menerangkan empat adab masuk rumah antaranya memberi salam, membaca doa, membuka kasut, melangkah dengan kaki kanan. Kajian Izuli Dzulkifli (2016), menerangkan murid berkeperluan khas mempunyai kekurangan keupayaan dari segi fizikal, pendengaran, penglihatan dan percakapan dan juga mempunyai sifat yang berbeza dari segi minat, kebolehan dan keperluan pembelajaran. Untuk menambah kefahaman murid, pengkaji mendapat guru memberi contoh kepada murid berhubung amalan sehari seperti “apabila awak pulang dari sekolah, apa yang awak buat apabila sampai di rumah?” murid menjawab “memberi salam kepada ibu”, guru memberi contoh kepada murid cara memberi salam yang betul, proses ini akan menambah kefahaman murid berhubung tajuk kerana perbuatan tersebut merupakan amalan sehari mereka.

#### ***Penerapan konsep melalui amalan nilai***

Guru mengucapkan terima kasih dan turut mengajak murid mengucapkan ‘**Alhamdulillah**’ kerana dapat hadir ke sekolah. Dalam situasi ini, peranan guru sangat penting sebagai penyampai ilmu dan menerapkan elemen spiritual kepada murid.

Berdasarkan kajian ini juga, **sikap dan keperibadian guru** turut mempengaruhi keberkesanannya pada pendidikan kepada murid keperluan khas. Pengkaji mendapati guru terlibat menyebut berulang kali kepada 11 orang pelajar IPG semasa sesi soal jawab iaitu "guru perlu kesabaran yang tinggi semasa mengajar murid keperluan khas". Antara cabaran yang diceritakan ialah sikap murid keperluan khas yang tidak dapat dijangka, senang berubah, sensitif dan boleh bertindak diluar kawalan seperti lari keluar daripada kelas. Ada juga murid yang tidak suka melukis dan mewarna dan ada juga yang sebaliknya, oleh itu guru perlu mengetahui sikap dan kecenderungan murid untuk mengelak kejadian yang tidak diingini. Murid keperluan khas juga perlu sentiasa diransang dengan pujian dan kata-kata semangat. Antara sifat yang perlu ada pada seorang guru Pendidikan Khas ialah ikhlas, kesabaran yang tinggi, sikap prihatin, dan kemahiran dalam bidang psikologi.

#### *Penerapan konsep ekologi spiritual melalui kemahiran pengajaran dan pembelajaran*

Seterusnya, dari pemerhatian yang dilakukan, guru menggunakan pelbagai **kaedah pengajaran** semasa pdp dijalankan. Antaranya, guru menggunakan slide pembentangan untuk menerangkan tajuk, menunjukkan gambar berkaitan dan menjalankan aktiviti kumpulan iaitu mengenalpasti gambar yang betul berhubung tajuk 'Adab Masuk Rumah' dan menampal pada kertas yang disediakan. Guru turut membuat aktiviti permainan kuiz sebelum pdp berakhir sebagai pengukuhan. Antara perkara yang dapat menarik perhatian dan tumpuan murid ialah setiap kumpulan diberikan satu bekas yang cantik untuk mengisi hadiah berupa manisan kepada murid pada setiap jawapan yang betul dari ahli kumpulan. Aktiviti tersebut meransang murid untuk menjawab soalan. Pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai amat penting untuk memastikan objektif pelajaran tercapai. Semasa sesi soal jawab, guru telah memaklumkan, kaedah-kaedah tersebut digunakan terutama penggunaan visual kerana murid tidak tahu membaca. Selain itu, murid keperluan khas juga mempunyai sikap dan kelakuan yang sering berubah dan sensitif, oleh itu guru perlu mengenali murid dengan lebih dekat dan mengenalpasti sikap murid. Jelasnya, keberkesanannya pengajaran guru bukan hanya bergantung kepada satu teknik pengajaran sahaja, tetapi mempunyai pelbagai teknik, tingkah laku mengajar dan kemahiran mengajar mengikut keperluan pelajar. Oleh itu, untuk menerapkan konsep ekologi spiritual, guru berperanan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang dapat menarik minat murid.

Berdasarkan dapatan kajian dalam kajian ini, beberapa perkara yang perlu ditekankan semasa perlaksanaan kajian seterusnya untuk mengkaji peranan guru dalam menerapkan konsep melalui aspek sifat Ekologi Spiritual. Penerapan elemen spiritual semasa pdp guru menunjukkan signifikan kajian ini kerana murid keperluan khas telah didekah dengan unsur-unsur kerohanian oleh guru. Selain itu, kajian ini juga perlu mengambil kira aspek penggunaan kaedah pedagogi yang pelbagai, sesuai dan berjaya menarik minat murid. Dalam aspek pemilihan isi pelajaran untuk murid, penerapan konsep melalui sifat Ekologi Spiritual melalui sifat berfikir, sifat bersyukur, sifat bertanggungjawab dan sifat bertakwa perlu diterjemahkan dan disampaikan kepada murid berdasarkan aplikasi amalan murid dalam kehidupan harian. Selain itu, isi konsep perlu mudah untuk difahami dan menepati kemampuan kognitif murid. Untuk penerapan konsep ini, kajian perlu dirancang dengan teliti dan berperingkat serta mempunyai tindakan susulan yang bersesuaian seperti kajian keberkesanannya penerapan konsep melalui pemantauan guru.

Akhir sekali, dapatan ini juga memberi input penting iaitu kajian penerapan konsep yang akan dilaksanakan amat bergantung kepada sifat guru atau pengkaji sendiri yang menjadi pelaksana kajian. Perlunya sifat sabar, kemahiran komunikasi, kemahiran pedagogi dan kemahiran psikologi bagi memastikan konsep ini berjaya untuk diperkenalkan dan di aplikasi melalui penghayatan amalan murid. Berikut merupakan jadual cadangan langkah penerapan konsep melalui empat sifat Ekologi Spiritual untuk kajian tindakan seterusnya. Cadangan ini meliputi penerangan sifat ekologi spiritual, dalil al-Quran, kaedah pengenalan konsep dan penghayatan amalan murid.

Jadual 1

Cadangan langkah penerapan konsep melalui empat sifat Ekologi Spiritual

Sifat ekologi	Dalil al Quran	Kaedah Pengenalan konsep	Penghayatan Amalan
<b>Sifat Berfikir</b>	<i>Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang muh yakin, Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak muh melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?</i> <i>(Surah Az zariyat:ayat 20,21)</i>	Menunjukkan gambar keindahan alam	Sentiasa mengucapkan 'Subhanallah' apabila melihat keindahan dan kehebatan ciptaan Allah
<b>Sifat Bersyukur</b>	<i>"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur."</i> <i>(Surah An Nahl: 78)</i>	Menunjukkan video lagu 'Alhamdulillah' animasi Omar& Hana dari aplikasi you tube.	Sentiasa mengucapkan 'Alhamdulillah' apabila mendapat nikmat
		Memberi hadiah kepada murid yang berjawab menjawab soalan daripada kuiz dan meransang murid agar mengucapkan Alhamdulillah pada akhir sesi kajian	
<b>Sifat Bertanggungjawab</b>	<i>"Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-ku."</i> <i>(Surah az-Zariyat ayat 56)</i>	Menunjukkan gambar orang melaksanakan ibadat solat, membaca al-Quran dan mengerjakan haji	Sentiasa mengucapkan 'Lailahaillallah' semasa melaksanakan ibadat untuk merangsang sifat ikhlas
<b>Sifat Bertakwa</b>	<i>Wahai manusia, Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenaikan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu,</i> <i>(Surah Al Hujurat : ayat 13)</i>	Membuat aktiviti secara kumpulan: memilih perbuatan mahmudah (amalan baik) dan amalan yang tidak baik (mazmumah) berdasarkan gambar	Sentiasa mengucapkan 'Allahuakbar' apabila melakukan kebaikan dan ingin menjauhi kemungkaran

## KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan guru memainkan peranan yang amat penting bagi menjamin kemenjadian murid. Potensi murid keperluan khas perlu dibangunkan merangkumi aspek spiritual dan aspek-aspek lain. Pengukuhan domain spiritual murid keperluan khas boleh membantu dalam pengembangan potensi murid khususnya dalam tingkah laku dan sahsiah. Keseimbangan pembangunan potensi murid dalam semua aspek menjadi pemangkin dalam membantu murid menghadapi cabaran pendidikan pada masa kini. Jesteru itu, guru berperanan menerapkan konsep ekologi spiritual melalui proses pembelajaran dan pembelajaran. Penekanan dalam aspek pengetahuan, nilai dan kemahiran pengajaran akan memberi impak positif dalam memastikan peranan guru dalam menerapkan konsep ekologi spiritual dalam meningkatkan dimain spiritual murid Pendidikan Khas.

## RUJUKAN

- Abdul Salam Muhamad Shukri, (2003). *Panduan mengajar akidah kepada anak-anak*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Yang. (2012). *Islam, pemuliharaan hidupan liar dan anda*. Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Bainah Mustpha, Abd Rahim Marzuki, Zahanin Ismail & Fazidah Mohamad Nor (2017). *Aplikasi Nilai-Nilai Islam Dalam Pendidikan Khas*. 2<sup>nd</sup> International Conference On Education, Islamic Studies and Social Sciences Research. Bandung: Jakarta.
- Beringer, A (1999). On ecospirituality: true, indigenous, western. *Australian Journal of Environmental*, vol.15/16,17-21
- Hazura Abu Bakar (2009). *Hubungan antara penghayatan agama, nilai hidup dan pengetahuan alam sekitar pelajar muslim dengan sikap dan tingkah laku*. Tesis Universiti Sains Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). *Sukatan pelajaran pendidikan islam tingkatan satu hingga lima KBSM*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mardzelah Makhsin (2012). *Hisbah dan penghayatan akhlak murid-murid sekolah menengah*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah (2010), *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Bahagian Pendidikan Khas. *Panduan Dasar Pelaksanaan Program j.QAF Pendidikan Khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahimi Md Saad & Zaiton Mat Deris (2014). *Aplikasi Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran Kontemporori Bagi Aqidah Islamiyah*. Riau, Indonesia. UR PRESS.
- Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman, Zaharah Husin & Asri Md Saman @ Osman. (Mei 2016). Ekologi Spiritual Dalam Pendidikan Islam: Satu pengenalan konsep. *Persidangan Isu-Isu Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman, Zaharah Husin & Asri Md Saman @ Osman. (September 2016). Penghayatan konsep Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam, mendepani transformasi pendidikan abad ke 21. *Seminar Penyelidikan Pendidikan*: IPG Kampus Darulaman. <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2016/10/34-Izuli-Dzulkifli.pdf>. Dimuat turun pada 11 ogos 2017.

## CATATAN

Artikel ini telah dibentangkan semasa International Seminar in Education Issues (ISPEN 2018) yang diadakan pada 5 Julai 2018 di Auditorium, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.